

Pensyarah buat laporan polis dakwa dianiaya

KUALA LUMPUR 10 Sept. – Seorang bekas pensyarah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini membuat laporan polis terhadap universiti berkenaan.

Dakwanya dia dianiaya selepas enggan meluluskan markah para pelajarinya pada tahun lalu.

Yasmin Norhazleena Bahari Md. Noor, 35, yang mengajar jurusan Syariah dan Undang-Undang mendakwa, beliau diminta oleh pihak pengurusan fakulti itu untuk meluluskan markah 135 pelajarinya yang gagal dalam ujian.

Bagaimanapun, disebabkan keengganannya berbuat demikian dakwanya, dia dimarahi dan dilemparkan dengan kata-kata kesat oleh seorang pegawai tinggi di universiti itu.

“Kejadian itu berlaku Jun tahun lalu. Kira-kira sebulan kemudian, saya dimaklumkan oleh seorang kakitangan USIM bahawa seramai 65 orang daripada 135 pelajar itu telah diluluskan oleh pihak universiti.

“Akibat tidak berpuas hati de-

ngan tindakan pihak universiti, saya meletakkan jawatan sebagai pensyarah pada November lalu. Laporan polis ini dibuat kerana saya kecewa dengan tindakan universiti dan pegawai ini membuat tuduhan dan berniat jahat disebabkan keengganannya itu,” katanya.

Dia ditemui di pekarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Brickfields, selepas membuat laporan itu hari ini.

Tambah Yasmin Norhazleena, dia telah mengajar pelajarinya dengan sebaik mungkin dan menyediakan pelbagai inisiatif seperti kelas tambahan untuk kebaikan mereka.

“Namun, pelajar ini masih gagal dan saya tidak boleh membantu meluluskan pelajar terbabit walaupun diminta oleh pihak atasan universiti,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Brickfields, Asisten Komisyoner Wan Abdul Bari Wan Abdul Khalid ketika ditemui mengesahkan pihaknya menerima laporan tersebut.